

04/06/2003

Pak Lah mahu langkah serbu kediaman dikaji

BUTTERWORTH: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya mengkaji semula sebelum melaksanakan operasi menyerbu kediaman yang disyaki mempunyai cakera padat video (VCD) lucah.

Beliau berkata, kajian teliti berkenaan penting terutama implikasi perundangan bagi mengelak sebarang masalah sekiranya operasi itu dilaksanakan.

"Kita belum fikir perkara ini. Kita kena kaji...operasi ini disasarkan kepada pengedar.

"Bagaimanapun, kalau masuk rumah orang, ini akan ganggu privacy (hak peribadi) orang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2003 di Tapak Ekspo Seberang Jaya, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya, pengerusi jawatankuasa induk ekspo, Datuk Rashid Abdullah dan Exco kerajaan negeri.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri diminta mengulas mengenai KDN yang akan memulakan operasi menyerbu premis kediaman yang disyaki mempunyai VCD lucah sebagai langkah terbarunya membendung pengedaran VCD berkenaan.

Ketua Unit Penguat Kuasa Zon Tengah KDN, Mamat Ibrahim dipetik sebagai berkata pihak berkuasa di pintu masuk ke negara ini juga akan memeriksa dengan rapi mereka yang cuba menyeludup masuk VCD berkenaan.

Operasi bermula serta-merta itu akan dibuat berdasarkan maklumat daripada orang ramai atau pihak berkuasa.

Ketika ditanya mengenai pembangunan yang tidak seimbang terutama membabitkan orang Melayu di Pulau Pinang, Abdullah berkata, beliau sudah dimaklumkan oleh Timbalan Ketua Menteri mengenai rancangan selama 10 tahun yang disasarkan untuk membina rumah-rumah bagi keperluan golongan miskin.

"Sekarang ini pun dah mula, pembinaan rumah kos rendah dan pangsapuri. Sasaran 10 tahun yang dinyatakan oleh Datuk Hilmi diharap dapat mengatasi masalah ini," katanya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di negeri ini kecewa kerana masih ada rakyat Pulau Pinang ketinggalan, meskipun negeri itu mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, walaupun banyak bangunan pencakar langit dan moden dibina di negeri ini, namun masih ada rakyatnya yang tinggal di rumah tidak selesa, termasuk rumah kayu yang usang.